

Headline **Cantik luar dalam**
 Date **30. May 2009**
 Media Title **Berita Harian**
 Section **Supplement**
 Circulation **192917**
 Readership **1521000**

Language **MALAY**
 Page No **13**
 Article Size **1075 cm2**
 Frequency **Daily**
 Color **One Spot Color**
 AdValue



Cantik luar dalam

Peserta Miss Malaysia Universe 2009 kongsi misi serta pencarian

PARAS rupa mereka sering dikagumi namun persepsi segelintir masyarakat terhadap tahap intelektual masih tidak berubah. Beginilah dilema dihadapi wanita yang menyertai pertandingan ratu cantik. Gelaran *beauty without brain* bagai sudah menjadi *trademark* yang sukar disangkal.

Selain itu, ada pihak mempertikai mengapa gadis cantik menyertai pertandingan seumpama itu. Kononnya acara ini yang mendapat liputan meluas di seluruh dunia (lebih-lebih lagi jika terpilih mewakili negara dalam pertandingan peringkat antarabangsa) hanya merendahkan martabat wanita.

Namun, peluang mendekati peserta Pertandingan Miss Malaysia Universe 2009 berjaya merungkai isi hati serta misi mereka menyertai pertandingan berprestij ini.

Wakil XY - *Ikon Lelaki* menemui 18 finalis ini ketika sesi kelas *belly dance* yang dihadiri mereka di Celebrity Fitness, Bangsar Village II, baru-baru ini.

Debaran kian terasa - salah seorang daripada mereka akan dimahkotakan gelaran

Miss Malaysia Universe 2009 malam ini. Pemenang akan menerima hadiah wang tunai RM50,000 dan mewakili negara ke pertandingan Miss Universe 2009 di Atlantis Paradise Island, Bahamas pada 23 Ogos depan.

Amelia Liew, 24, Kuala Lumpur



Saya ingin membuktikan wanita yang menyertai pertandingan ratu cantik bukanlah individu yang digelar *beauty without brain*. Tanggapan itu sudah tidak relevan kerana ramai calon yang menyertai pertandingan ratu cantik berjaya dalam hidup. Saya memiliki



BARISAN finalis pertandingan Miss Malaysia Universe 2009.



MENGIKUTI kelas belly dance di Celebrity Fitness.

ijazah berkembar dalam jurusan pemasaran dan kewangan serta mempunyai syarikat pengurusan acara sendiri.

Jadi, tidak wajar jika segelintir pihak membuat kesimpulan peserta ratu cantik hanya bersandarkan paras rupa. Kekuatan saya iaitu sikap tidak pernah berputus asa serta keyakinan diri baik dari segi dalaman dan luaran. Bagi saya, dalam apapun yang dilakukan, berjaya atau gagal bukanlah aspek penting asalkan berusaha melakukan yang terbaik.

Geethanjali Gausilia Kathirvalu, 23, Kuala Lumpur



Saya menganggap pertandingan ini sebagai landasan untuk saya berada di kalangan komuniti global dan lebih penting, saya dapat menyuarakan apa yang difikirkan perlu. Saya suka berjumpa orang ramai dan bertukar-tukar pandangan mengenai sesuatu yang boleh memajukan masyarakat.

Antara isu wanita yang ingin saya bangkitkan ialah kes kematian wanita ketika melahirkan anak akibat kepincangan kemudahan perubatan. Kes ini makin membimbangkan. Pihak bertanggungjawab harus memastikan kemudahan perubatan untuk ibu bersalin mencukupi.

Selain itu, saya ingin masyarakat dunia menumpukan perhatian dan melakukan apa saja bagi membendung masalah keganasan terhadap wanita dan jangkitan kes HIV Aids di kalangan wanita yang bukan berpunca kesalahan sendiri.

Heidi Jean Raman, 24, Kuala Lumpur

Selama ini, saya sibuk dengan kerjaya saja hingga tidak sempat melakukan perkara



yang diminati. Apabila mendapat tahu mengenai pengumuman Pertandingan Miss Malaysia Universe 2009 ini, saya tidak teragak-agak menyertainya.

Saya bersikap matang, serius dalam perkara penting dan sentiasa mahu menjadi diri sendiri. Inilah kekuatan dalam pertandingan ini.

Jika saya memenangi gelaran Miss Malaysia Universe 2009, saya ingin berjuang untuk wanita. Remaja perempuan adalah harapan bangsa dan perlu ada role model untuk dicontohi. Saya juga mahu berkongsi aspirasi wanita untuk mencapai kejayaan.